

PENULARAN DAN PENCEGAHAN PENYAKIT ANJING GILA DI SELANGOR, 1890-1924

Oleh : Amran Zakir bin Saad

Abstrak

Kajian ini cuba mengetahahkan isu haiwan dalam pengkajian sejarah Malaysia. Hal ini disebabkan watak anjing yang ditemui dalam hikayat yang mahsyur iaitu Sejarah Melayu. Namun, tidak banyak yang diketahui selepas itu. Ternyata penyelidikan berterusan yang dilakukan di Arkib Negara Malaysia Berjaya menemui beberapa perihal mengenai anjing. Antaranya termasuklah mengakibatkan penyakit anjing gila, kesannya terhadap manusia serta menonjolkan apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh pihak berkuasa untuk menanganinya. Penyakit anjing gila telah dikesan kesnya buat pertama kali di Singapura pada tahun 1884. Selepas itu, penyakit ini telah menular ke seluruh negeri di Semenanjung Tanah Melayu. Selangor tidak terkecuali menerima tempiasnya. Kes pertama dicatatkan di Kuala Lumpur pada tahun 1890. Lantaran itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti sejarah penularan dan pencegahan penyakit anjing gila di Selangor khususnya di Kuala Lumpur dalam tempoh 1890-1924.

Kata kunci : anjing gila, penularan, pencegahan.